

# Qalam

---

Bilangan 23 – Ramadhan – Jun 1952 – 60 sen

---

## AKHLAK KITA

---

Terbit daripada langkah-langkah kerajaan Kedah terhadap kepada kejadian-kejadian atas akhlak yang tidak baik di antara guru-guru lelaki dan perempuan sebagaimana yang telah terheboh di dalam akhbar-akhbar harian itu adalah menjadikan kita gemar menarik perhatian pihak-pihak berkuasa di Semenanjung Tanah Melayu ini tentang perkara akhlak dan budi pekerti orang-orang kita yang nampaknya perkara yang sedemikian besar ini tidak pun khusus diperhatikan oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Kalau kita perhati bahawa adalah tersangat suka bagi kita hendak membantu orang-orang kita berbalik kepada akhlak yang baik terutamanya kepada akhlak yang dikehendaki oleh Islam oleh sebab yang utamanya kebanyakan daripada orang-orang kita telah mabuk kepada keBaratan dan tertiru-tiru kepada barang-barang yang tidak patut kita tiru dan kesannya adalah terjadi sehingga kerosakan akhlak itu bukannya sahaja di atas umum tetapi juga berlaku kepada guru-guru yang diharap dan dipercayakan akan mengawal dan mendidik anak-anak yang akan diserahkan kepadanya supaya menjadi seseorang manusia yang mempunyai akhlak yang baik. Adakah diterima pada akal jika guru telah tidak mempunyai akhlak yang baik, murid akan berakhlak baik?

Selain daripada pengaruh Barat yang meliputi kepada kedudukan akhlak orang-orang kita hari ini maka dari satu ke suatu masa, dengan tidak tabik

berkecuali, dibentangkan kepada umum atau dengan terangnya ditayangkan kepada umum segala kelakuan-kelakuan yang tidak baik dengan membebaskan sebegitu sangat wayang-wayang gambar yang di dalamnya tidak ada pula sesuatu tegahan untuk melihatnya ke atas kanak-kanak yang belum boleh membezakan di antara yang baik dengan yang jahat, yang belum boleh memilih di antara yang buruk dengan yang baik dan sebab itulah maka mereka yang insaf memandang apa jua perkara-perkara kesukaan yang ditunjukkan kepada umum seolah-olahnya disengaja untuk merosakkan akhlak penduduk-penduduknya – kalau tidak tentulah jabatan-jabatan sensorinya akan mengadakan tapisan-tapisan yang lebih ketat kepada sebahagian besar filem-filem itu dan mengadakan pula suatu undang-undang menahan kanak-kanak daripada melihatnya oleh kerana kesannya kepada mereka itu akan membawa kepada bencana yang besar pada masa tuanya nanti – seolah-olah ia suatu benih yang akan merosakkan akhlak dan budi pekertinya pada masa yang akan datang.

Tidak payah kita gambarkan bagaimana buruknya akhlak yang menimpa orang-orang kita sekarang. Tidak tabik keculi lagi “tua muda” besar kecil menjadikan meminum minuman yang memabukkan itu sebagai kemegahan pada hal minuman itu adalah ia punya segala kejahatan.

Demikian juga dengan tidak tabik keculi dengan tidak ada didikan akhlak yang ditanam kepada mereka itu, mereka mengadakan pergaulan-pergaulan yang tidak berhad di antara lelaki dengan perempuan yang walau bagaimana pun dijadikan sebab mereka itu tidak akan dapat dihimpunkan di suatu tempat kerana ia akan membawa lebih bencana daripada faedahnya yang akhirnya akan meruntuhkan maruah dan taraf di antara keduanya dan kita berani berkata dengan terang bahawa kedudukan yang demikian itu adalah sebagai suatu cara menggalakkan turunnya akhlak dan runtuhnya maruah di antara mereka itu.

Tidak payah rasanya kita memberi kenyataan-kenyataan yang lebih tentang bagaimana caranya kerosakan-kerosakan akhlak yang menimpa orang-orang

kita kerana yang demikian itu keadaannya sudah terang sebagai sayang dan hanya seperkara sahaja yang patut diperhati dan di tilik dengan saksama iaitu hendaklah di mana-mana tempat jua diadakan didikan akhlak untuk mengawal daripada bencana itu lebih merebak lagi.

Sesuatu umat tidak akan dapat tegap berdiri kalau akhlaknya runtuh. Sesuatu umat tidak akan dapat bangkit sekiranya ia tidak mendirikan akhlak mereka. Dengan sebab itu jika sekiranya kita hendak maju dan utama sebagai suatu bangsa Melayu yang beragama Islam maka langkah yang pertama ialah memperbaiki akhlak bukannya mengalakkan jalan-jalan yang akan meruntuhkan lagi akhlak seperti yang dilakukan oleh kebanyakan pertubuhan-pertubuhan di Semenanjung Tanah Melayu hari ini.

Terdengar-dengar di telinga kita kalau ada sesuatu pekerjaan umpamanya seorang gadis diminta berlakon mengambil bahagian di dalam sandiwara untuk drama umpamanya ditegah oleh ibunya atau ayahnya atau pun oleh saudaranya maka ia memandang tegahan itu sebagai suatu galakan bekerja kerana bangsa tetapi si gadis itu lupa bahawa dalam keadaan bersandiwara itu kerap kali terjadi membawa punca kerosakan akhlaknya yang juga akan merosakkan mutu dan taraf bangsa itu sebabnya lain tidak tertiru-tiru kepada kehidupan, pergaulan dan cara-cara yang ditanam oleh Barat yang bolehlah dikatakan tidak mempunyai akhlak yang sempurna lagi. Dengan itu maka adalah mendidik akhlak itu wajib diadakan bukannya sahaja oleh pihak kerajaan tetapi juga oleh persekutuan-persekutuan yang berniat hendak meninggikan mutu bangsanya.

\* \* \*

## **MENGINGGERISKAN MELAYU**

Orang-orang Islam sekarang sedih bahawa kedudukan sekolah-sekolah Melayu di Singapura dengan pengajaran-pengajaran yang ada sekarang iaitu dengan memberi terlampau sangat sedikit kepada pengajaran-pengajaran

Melayu di sekolah Melayu itu adalah membawa suatu corak yang ditujukan, sebagaimana yang disebut oleh Al-Fatih Akhir, hendak menginggeriskan orang-orang Melayu.

Langkah-langkah ini nampaknya ditanam kepada anak-anak kita untuk menghidupkan benih membelakangkan kebudayaan sendiri dan memeluk kebudayaan lain – seolah-olahnya ini suatu langkah untuk mempengaruhi jiwa orang-orang kita yang sekarang di dalam keadaan pancaroba, dikatakan beragama Islam tetapi tidak mengikut aturan dan perintah-perintahnya dan dengan sebab itu adakah yang sedemikian ini ditaja sampai nanti orang-orang kita akan lengah dengan kebudayaannya dan dengan sendirinya hidupnya sebagai orang yang tidak beragama?

Langkah yang sedemikian ini, menurut pandangan kita adalah suatu langkah yang sangat merbahaya bukannya sahaja ke atas orang-orang Melayu, tetapi juga ke atas kerajaan oleh kerana bukti-buktinya yang nyata bahawa dengan tidak adanya didikan yang berbau baka ke-Islaman mereka yang asal itu akan menjadikan mereka orang yang tidak beragama dan dengan mudah juga akan terpengaruh dengan anasir yang memusuhi semua agama sebagaimana riak-riaknya yang kita dapat lihat hari ini bahawa telah timbul di dalam lingkungan orang-orang Melayu yang digelar “mulhid” yang kesudahannya bukan sahaja ia membenci kepada agama bahkan bercita-cita merosakkan kedudukan kerajaan di negeri ini. Sebab itu sepatutnya sebelum langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan itu difikir lebih dahulu bentuk-bentuk perubahan itu untuk masa yang akan datang.

Hal yang demikian ini sekalipun orang-orang Islam diam tetapi tidaklah bermakna diam mereka itu menyetujui segala langkah yang ditujukan dan ke mana hala yang dibawa oleh pentadbiran yang di pandang mereka yang nampaknya akan merosakkan bukannya sahaja taraf kebudayaannya tetapi juga akan menjauhkan mereka itu daripada berdamping atau hampir kepada kerajaan adanya.